

APABILA KRITIKAN TIDAK KRITIS: KONSEP ADAB MENYUMBANG KEPADA KEKRITISAN ANALITIS DALAM ANALISIS WACANA KRITIS

(When Critique is Not Critical: The Concept of Adab as a Contribution to Analytical Criticality in Critical Discourse Analysis)

Siti Nurnadilla Mohamad Jamil 
nadilla.jamil@lancaster.ac.uk

Department of Linguistics and English Language, Faculty of Humanities, Arts and Social Sciences Lancaster University, Country South, Lancaster LA14YL, United Kingdom.

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris, Kulliyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdul Hamid Abusulayman, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Siti Nurnadilla Mohamad Jamil. (2026). Apabila kritikan tidak kritis: Konsep adab menyumbang kepada kekritisan analitis dalam analisis wacana kritis. *Jurnal Bahasa*, 26(1), 83–116. [https://doi.org/10.37052/jb26\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb26(1)no4)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: Received:	6/4/2026	Semakan: Revised	19/6/2026	Terima: Accepted:	22/6/2026	Terbit dalam talian: Published online:	30/6/2026
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Kritik merupakan asas kekritisan dalam analisis wacana kritis (AWK). Namun begitu, dalam budaya komunikasi Melayu, kritikan sering difahami melalui kerangka kesantunan kerana teguran terhadap kelemahan dapat mengancam air muka, maruah dan keharmonian sosial. Akibatnya, kritikan langsung mudah disamakan dengan kecaman atau tindakan mencari salah. Ekoran daripada masalah ini, pengkaji merumuskan kritik berteraskan adab berdasarkan pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai prinsip pertanggungjawaban analitis dalam AWK. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan metakritik terhadap 11 jawapan analitis pelajar pascasiswazah (n=11) bagi tugas AWK tentang iklan produk penjagaan selepas bersalin. Analisis dilakukan dalam dua tahap. Pertama, analisis rujukan terhadap

iklan bagi memperlihatkan hubungan antara teks, bukti linguistik atau semiotik, tafsiran dan penjelasan sosial. Kedua, analisis metakritik terhadap jawaban pelajar berdasarkan empat syarat kekritisian, yaitu kepekaan terhadap ketidakadilan makna, pertanggungjawaban bukti, penjelasan mekanisme diskursif dan orientasi emansipasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa iklan tersebut mengaitkan tubuh wanita pascabersalin dengan kesetiaan suami melalui struktur syarat-matlamat tersirat, orientasi *bouletik* dan pengagihan agensi. Jawapan pelajar pula memperlihatkan keterbatasan apabila teks tidak dijadikan objek analisis, tafsiran tidak berkembang menjadi penjelasan, teori tidak dioperasikan, dan penilaian kritis tidak dibuktikan melalui bukti linguistik atau semiotik. Makalah ini menyumbang kepada dekolonialisasi AWK dengan mengemukakan adab sebagai prinsip pertanggungjawaban analitis tanpa meninggalkan analisis sistematik berasaskan bukti.

Kata kunci: Analisis wacana kritis, adab, kritik, dekolonialisasi, pertanggungjawaban analitis, wacana iklan

Abstract

Critique constitutes the foundation of criticality in Discourse Analysis (CDA). However, within the Malay communicative culture, criticism is often understood through the lens of politeness, as pointing out weaknesses may threaten face, dignity, and social harmony. Consequently, direct criticism is readily equated with condemnation or fault-finding. In response to this issue, the researcher formulates a critique grounded in the concept of adab, drawing upon the thought of Syed Muhammad Naquib al-Attas as a principle of analytical accountability in CDA. This qualitative study adopts a metacritical approach to examine 11 analytical responses written by postgraduate students (n=11) for a CDA assignment on a postnatal care product advertisement. The analysis was conducted in two stages. First, a referential analysis of the advertisement was carried out to demonstrate the relationship between the text, linguistic or semiotic evidence, interpretation, and social explanation. Second, a metacritical analysis of the students' responses was undertaken based on four conditions of criticality: sensitivity to meaning-related injustice, evidence accountability, explanation of discursive mechanisms, and emancipatory orientation. The findings reveal that the advertisement associates the postpartum female body to the husband's fidelity through an implicit condition-goal structure, a bouletic orientation, and the distribution of agency. The students' responses, however, exhibited several limitations, as the text itself was not treated as the object of analysis, interpretation did not develop into explanations, theory was not operationalised, and critical evaluations were not substantiated with linguistic or semiotic

evidence. This paper contributes to the decolonisation of CDA by proposing adab as a principle of analytical accountability without abandoning systematic evidence-based analysis.

Keywords: Critical Discourse Analysis, adab, critique, decolonisation, analytical accountability, advertising discourse

PENDAHULUAN

Kritik merupakan dimensi asas dalam analisis wacana kritis (AWK). Tanpanya, AWK kehilangan orientasi kritisnya. Dengan berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015, hlm. 830), kata “kritikan” mempunyai dua pengertian utama, iaitu “analisis, penilaian dan ulasan terhadap sesuatu karya” dan “ulasan atau kata-kata tentang keburukan atau kelemahan, termasuk kecaman”. Dalam tradisi wacana Melayu, kritikan lazimnya tidak disampaikan secara langsung, tetapi direalisasikan secara berlapis melalui bentuk tertentu, seperti teguran, sindiran, kiasan, perlambangan, metafora dan peribahasa (Ariff Mohamad, 2016, hlm. 7–8; Noriah Taslim, 1997, hlm. 65–66). Kecenderungan untuk memperhalus penyampaian kritikan berakar pada tatanilai masyarakat Melayu yang menekankan kehalusan budi dan pemeliharaan hubungan sosial (Abdul Rahman Embong, 1997, hlm. 14). Dalam kerangka nilai sedemikian, kritikan langsung mudah ditafsir sebagai tindakan mencari salah yang memalukan, mengancam air muka dan menimbulkan ketidakselesaan sosial (Arina Johari et al., 2021, hlm.10; Arina Johari & Indirawati Zahid, 2016). Kesannya, amalan tersebut cenderung untuk “disinonimkan dengan kecaman” (Indirawati Zahid, 2019, hlm. 131), bukan sebagai wahana analitis bagi pencerahan, penambahbaikan dan pembebasan.

Walau bagaimanapun, penyempitan makna ini tidak semestinya mencerminkan percanggahan konseptual yang mutlak. Indirawati dan Nasihah (2018, hlm. 136) berhujah bahawa penyampaian kritikan perlu mengambil kira aspek kesantunan. Menurut Asmah Haji Omar (2000, hlm. 88), kesantunan Melayu tidak dapat dipisahkan daripada konsep air muka, yang merangkumi maruah dan keharmonian, bukan sahaja pada tahap individu, malah keluarga dan masyarakat. Pengertian ini berbeza daripada konsep muka dalam tradisi Barat (Goffman, 1967; Brown & Levinson, 1987) dan menuntut kepekaan terhadap konteks sosial, serta cara sesuatu ujaran disampaikan. Namun begitu, dalam kerangka AWK, kritikan tidak boleh dibatasi pada kesantunan semata-mata, tetapi perlu difahami melalui pengertian adab yang menuntut ketepatan objek analisis, kewajaran tafsiran dan disiplin pembuktian dalam pembinaan hujah kritis.

Pemahaman ini sejajar dengan huraian Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978, hlm. 105–106) tentang adab sebagai pengiktirafan terhadap kedudukan yang wajar dalam tatanan kewujudan, disertai disiplin diri dalam pelaksanaan peranan, yang akhirnya mencerminkan keadaan keadilan. Dalam makalah ini, adab tidak hanya merujuk kesopanan dalam penyampaian, tetapi berfungsi sebagai asas normatif dan epistemik yang mengawal cara kritikan dibina, dibuktikan dan dipertanggungjawabkan. Atas dasar ini, peranan penganalisis wacana kritis bukan sekadar menghuraikan ciri linguistik teks, tetapi meneliti secara saksama cara wacana menghasilkan makna, membentuk kedudukan sosial dan mengekalkan atau mencabar hubungan kuasa.

Dengan demikian, perbezaan antara kritikan dengan kecaman perlu diperjelas dalam kerangka AWK. Kritikan dalam AWK meneliti wacana, serta kesan sosial dan ideologinya, termasuklah apabila wacana tersebut melibatkan individu, kelompok atau institusi tertentu. Tumpuannya ialah bentuk representasi, pola penghujahan dan implikasi wacana dalam konteks sosial, bukan penilaian terhadap peribadi individu. Dalam teori hujah, batas ini dapat dijelaskan melalui konsep *ad hominem*, iaitu hujah yang mengalihkan penilaian daripada kekuatan bukti atau kewajaran hujah kepada peribadi seseorang (Walton, 2000). Oleh itu, ketidakelesaian yang mungkin timbul daripada analisis AWK tidak wajar serta-merta ditafsir sebagai kecaman selagi analisis tersebut berpaut pada bukti linguistik yang dapat dijejaki, tafsiran yang wajar dan huraian yang sistematik. Penegasan ini penting dalam menjawab kritik Widdowson (1995) dan Stubbs (1997) terhadap AWK, khususnya berhubung dengan persoalan subjektiviti dalam pentafsiran wacana. Dalam makalah ini, kesahihan analisis AWK ditegaskan melalui keterjejukan bukti linguistik, kewajaran tafsiran dan huraian yang sistematik (Fairclough, 1995; van Dijk, 2008; Wodak & Meyer, 2016).

Dengan berpandukan pemahaman tentang adab dan disiplin pembuktian ini, pengkaji turut menyumbang kepada usaha menyahbaratkan kritikan dalam AWK. Usaha ini dapat difahami sebagai sebahagian daripada gerakan dekolonial yang lebih luas yang mencabar andaian Eurosentrik dalam teori, kaedah dan kanon AWK, khususnya apabila rangka kerja Barat sering dianggap bersifat universal (de Melo Resende, 2021; Waqar Ali Shah, 2023). Dalam konteks kajian ini, penyahbaratan tersebut dilakukan bukan dengan menolak kerangka AWK yang sedia ada, tetapi dengan memusatkan semula epistemologi, bahasa, genre dan sejarah politik tempatan melalui prinsip adab berdasarkan pemikiran Syed Muhammad

Naquib al-Attas. Dengan cara ini, kritik dalam AWK dapat diperluas agar lebih berpijak pada pengalaman setempat tanpa menggantikan tuntutan analisis yang sistematik dan berasaskan bukti.

Selaras dengan tuntutan tersebut, persoalan kekritisian dalam AWK tidak terletak pada penggunaan istilah kritis semata-mata, tetapi pada cara sesuatu analisis membuktikan kedudukan kritisnya. Sesuatu analisis dapat menggunakan perbendaharaan AWK, seperti kuasa, ideologi, dominasi atau ketaksamaan, tetapi masih belum menunjukkan cara hujah tersebut dibina daripada bukti tekstual, dihuraikan melalui tafsiran yang wajar dan dihubungkan dengan penjelasan sosial yang munasabah. Dalam hubungan ini, Sayer (2009, hlm. 768) mengingatkan bahawa penggunaan istilah kritis dalam kajian sosial makin meluas sehingga berisiko kehilangan ketepatan maknanya, khususnya apabila berfungsi sekadar sebagai label retorik tanpa asas analitis yang memadai. Oleh itu, pernyataan masalah makalah ini dirumuskan berdasarkan keperluan untuk memperjelas syarat yang membolehkan kritik dalam AWK dibezakan daripada huraian deskriptif, penilaian normatif atau pengulangan istilah kritis semata-mata.

Sehubungan dengan itu, makalah ini mengemukakan kerangka kekritisian analitis berteraskan adab yang dirumuskan melalui syarat kekritisian dan soalan panduan analitis dalam AWK. Kerangka ini digunakan secara metakritik untuk meneliti 11 sampel jawapan analitis pelajar pascasiswazah di sebuah universiti awam di Malaysia. Dalam analisis ini, konsep adab berfungsi sebagai lensa pengkaji terhadap data sedia ada, bukan sebagai kerangka yang diperkenalkan kepada pelajar ketika tugas dijalankan. Perbincangan dalam makalah ini menampilkan empat contoh terpilih daripada 11 sampel tersebut bagi memperlihatkan kecenderungan analitis yang dikenal pasti dalam data tanpa membuat tuntutan generalisasi terhadap semua bentuk latihan AWK.

KAJIAN LEPAS DAN KERANGKA KONSEPTUAL KRITIK DALAM ANALISIS WACANA KRITIS

Bahagian ini meninjau perbincangan utama tentang wacana, ideologi dan kekritisian dalam AWK sebagai asas konseptual kajian. Tinjauan ini tidak mengulang pengenalan umum tentang AWK (Idris Aman & Kamila Ghazali, 2016; Idris Aman, 2010; Zaliza Zubir & Rohizah Halim, 2024), sebaliknya menelusuri cara kritik dihuraikan melalui hubungan antara bahasa, bukti tekstual atau semiotik, proses diskursif, penjelasan sosial dan orientasi emansipasi. Perbincangan tersebut menjadi

asas untuk memperjelas syarat analitis yang membezakan kritik dalam AWK daripada huraian deskriptif, penilaian normatif atau penggunaan istilah kritis secara nominal.

Wacana tidak terbit dalam vakum, tetapi berada dalam hubungan timbal balik dengan konteks sosialnya kerana dibentuk oleh dunia sosial dan pada masa yang sama turut membentuknya (Johnstone, 2018, hlm. 31–32). Dalam hubungan ini, wacana tidak terhad pada teks bertulis atau lisan, tetapi merangkumi bentuk visual, unsur audio dan gerak isyarat sebagai sebahagian daripada praktik semiotik yang lebih luas. Dengan demikian, konteks bukan sekadar latar, tetapi menetapkan batas bagi apa-apa yang dapat diungkapkan, difahami dan diterima sebagai munasabah. Pada aras epistemik, bahasa bukan sekadar medium komunikasi, tetapi turut membentuk cara realiti difahami dan diertikan, sejajar dengan pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978, 1995) tentang pembentukan pandangan alam. Oleh itu, wacana berfungsi sebagai wahana perundingan makna sosial dan tidak pernah neutral. Bahkan, genre yang dianggap objektif, seperti laporan berita, tetap beroperasi melalui pilihan linguistik dan strategi perwakilan yang memperlihatkan keterikatan makna dengan hubungan kuasa dan ideologi (Fairclough, 1989; McNair, 2003; Reisigl & Wodak, 2016; Richardson, 2007; van Dijk, 2008).


Dalam tradisi linguistik kritis, kritik terhadap wacana meneliti cara struktur linguistik merealisasikan ideologi, khususnya melalui pemistifikasian (*mystification*) yang mengaburkan realiti sosial (Fowler et al., 1979; Kress & Hodge, 1979). Pemistifikasian berlaku apabila rujukan terhadap peranan, niat dan tanggungjawab pelaku sosial diredam atau ditiadakan melalui metafora, metonimi, kekaburan rujukan, nominalisasi, struktur pasif tanpa agen dan kata kerja tak transitif (Hart, 2020; Merkl-Davies & Koller, 2012). Dalam AWK, kesan ideologi turut dihuraikan melalui polarisasi wacana, iaitu strategi representasi positif kelompok-dalam (*in-group*) dan representasi negatif kelompok-luar (*out-group*) pada pelbagai aras teks. Melalui analisis terhadap *The End of Racism* karya D’Souza (1995), van Dijk (1998) menunjukkan bahawa strategi ini beroperasi dengan meletakkan orang kulit putih, peradaban Barat dan penjelajah Eropah pada sisi “kami”, manakala orang Afrika Amerika ditempatkan sebagai “mereka” melalui pilihan leksikal, metafora, hiperbola, penafian atau peringanan rasisme, serta pemingkiaan kelompok-luar sebagai masalah, deviasi atau ancaman sosial.

Pemistifikasian dan polarisasi tersebut dapat membuka ruang diskursif bagi demonisasi (*demonisation*) apabila pengaburan pelaku, tanggungjawab

atau sebab-akibat disertai oleh representasi negatif terhadap kelompok-luar sebagai ancaman sosial yang diberikan nilai moral (Siti Nurnadilla Mohamad Jamil, 2026a). Pembingkaiannya sedemikian menjadikan pengecualian, tindakan keras atau kekerasan kelihatan wajar walaupun tanpa penamaan eksplisit. Oleh itu, kekritisannya AWK tidak terhenti pada pengenalpastian bentuk linguistik, tetapi menuntut penjelasan tentang cara bentuk tersebut menaturalisasikan ketidakadilan makna dan hubungan kuasa. Persoalan adab menjadi relevan kerana makna perlu diletakkan pada tempat yang wajar kerana kegagalan untuk mengenal tempat yang tepat bagi sesuatu, termasuklah pembezaan antara yang benar dengan yang salah, serta antara kebenaran dengan kepalsuan, merupakan punca ketidakadilan (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978). Jika tidak dicabar, penyimpangan ini mengukuhkan naratif dominan yang diterima sebagai kelaziman, misalnya dalam retorik rasis dan politik ketakutan ketika kempen pilihan raya (Siti Nurnadilla Mohamad Jamil, 2020), pembingkaiannya pelarian Rohingya sebagai ancaman atau “pencemar” (Siti Nurnadilla Mohamad Jamil, 2023), serta objektifikasi dan seksualisasi wanita dalam politik (Siti Nurnadilla Mohamad Jamil, 2026b).

Dalam konteks dominasi simbolik, kelaziman tersebut dapat difahami sebagai proses salah kenal yang menyebabkan hubungan kuasa tidak dikenali sebagai dominasi. Hubungan ini kelihatan wajar kerana cara masyarakat memahami dunia dibentuk oleh struktur sosial yang turut menghasilkan dan mengekalkannya (Bourdieu & Wacquant, 1992). Keadaan ini menjelaskan matlamat emansipasi AWK, iaitu membebaskan pemahaman daripada belenggu ideologi dominan yang mengganggu tertib makna dan keadilan sosial (Fairclough, 1989). Rajah 1 memperlihatkan trajektori naturalisasi penyimpangan makna sebagai kelaziman, serta kemungkinan intervensi kritis untuk mencabarnya.

Bagi Chouliaraki dan Fairclough (1999), orientasi emansipasi AWK dapat diuraikan melalui konsep kritik penjelasan (*explanatory critique*) yang berakar dalam realisme kritis Bhaskar. Dalam kerangka Bhaskar (1986), konsep ini melibatkan analisis retroduktif, iaitu gerak daripada fenomena yang dapat diperhatikan terhadap mekanisme kausal yang tidak segera kelihatan, tetapi menjana, membentuk atau mengekalkan fenomena tersebut. Dengan menyingkap mekanisme ini, analisis tidak hanya menerangkan cara sesuatu keadaan sosial terhasil, tetapi juga sebab penjelasan pada aras permukaan tidak memadai untuk memahami kewujudan dan kelangsungannya. Oleh sebab mekanisme sosial berkait dengan pembentukan kepercayaan, tindakan dan kesan tertentu, penjelasan



Rajah 1 Trajektori ketidakadilan dalam wacana antara naturalisasi dan intervensi kritis.

tidak dapat dipisahkan sepenuhnya daripada penilaian. Oleh itu, kritik penjelasan turut menyentuh persoalan lazim yang dikaitkan dengan Hume (1978), iaitu cara analisis dapat bergerak daripada pernyataan tentang apa-apa yang berlaku pada pertimbangan tentang perkara yang seharusnya berlaku.

Prinsip ini mendapat bentuk analitis yang jelas dalam kerangka Fairclough (2010, hlm.130–133), antara rujukan utama dalam AWK, yang

menekankan hubungan sistematik antara teks, amalan wacana dan amalan sosiobudaya. Dalam kerangka ini, wacana difahami serentak sebagai produk linguistik, proses penghasilan dan pentafsiran, serta sebahagian daripada praktik sosial yang lebih luas, manakala hubungan antara teks dengan struktur sosial dimediasi oleh konvensi diskursif. Analisis, menurut Fairclough, melibatkan tiga tahap yang saling berkait, iaitu:

- (1) analisis ciri linguistik teks;
- (2) pentafsiran hubungan antara teks dengan proses diskursif; dan
- (3) penjelasan kaitannya dengan struktur serta proses sosial yang lebih luas.

Model ini kemudiannya menjadi asas bagi pendekatan hubungan dialektik (Fairclough, 2016). Dimensi kritik turut diperincikan dalam pendekatan sejarah wacana oleh Reisigl dan Wodak (2016), yang membahagikannya kepada tiga bentuk yang saling berkaitan, iaitu:

- (1) kritik imanen (*immanent critique*), yang mengenal pasti ketidakselarasan dan kontradiksi dalaman wacana;
- (2) kritik diagnostik sosial (*socio-diagnostic critique*), yang meneliti sifat persuasif atau manipulatif praktik diskursif dalam konteks sosial yang lebih luas dengan berpaut pada analisis linguistik tahap (1); dan
- (3) kritik prospektif sosial (*socio-prospective critique*), yang berorientasikan masa hadapan untuk memperbaiki komunikasi sosial berdasarkan dapatan tahap (1) dan tahap (2).

Walaupun kerangka ini menyediakan panduan untuk menjalankan analisis wacana dalam AWK, kekritisannya tidak dapat disamakan dengan satu prosedur analisis yang tunggal atau tetap. Sebaliknya, perkara ini merujuk orientasi analitik yang berakar pada pertimbangan epistemologi dan normatif. Seperti yang ditegaskan oleh Teun van Dijk (2013):

AWK bukanlah suatu kaedah analisis wacana kritis. Hal ini mungkin kedengaran paradoks, tetapi sebenarnya tidak. Fikirkanlah. Apakah sebenarnya prosedur yang sistematik, eksplisit, terperinci, dan boleh diulang bagi menjalankan analisis yang “kritis”? Tiada kaedah sedemikian. Bersikap kritis, pertama sekali, merupakan suatu keadaan minda (*state of mind*), suatu sikap (*an attitude*), suatu cara untuk tidak bersetuju (*a way of dissenting*), dan pelbagai lagi, tetapi bukan suatu kaedah yang eksplisit untuk menghuraikan struktur atau strategi teks

dan pertuturan. Dalam erti kata ini, sesiapa yang ingin melaksanakan AWK beroperasi dari perspektif penentangan, misalnya terhadap penyalahgunaan kuasa melalui wacana (Terjemahan dan penekanan penulis sendiri).

Bertentangan dengan tanggapan yang sering menyamakan pendekatan kritis dengan kecaman atau polemik, kekritisannya dalam AWK terletak pada keupayaan untuk menghubungkan analisis teks, proses diskursif dan konteks sosial secara sistematik berdasarkan bukti linguistik yang dapat dijejaki (Richardson, 2017, hlm. 40; Wodak & Meyer, 2016). Dalam pengertian ini, sistematik merujuk analisis yang teliti, berprosedur dan telus, tanpa terikat pada satu cabang linguistik tertentu, tetapi terbuka pada kerangka yang paling relevan dengan objektif dan permasalahan kajian. Oleh itu, meskipun AWK lazimnya timbul daripada permasalahan sosial, kekritisannya tidak harus disamakan dengan penilaian negatif atau keterikatan terhadap isu ekstrem. Sebaliknya, perkara ini merujuk usaha untuk menjelaskan cara makna dan hubungan kuasa direalisasikan melalui pelbagai genre dan domain wacana, termasuklah dalam bentuk yang kelihatan biasa, neutral atau tidak bermasalah (Chilton et al., 2010).

Dengan berdasarkan perbincangan tersebut, perumusan kritik berasaskan adab dalam makalah ini disintesis daripada empat tuntutan utama dalam AWK, iaitu: (1) kepekaan terhadap ketidakadilan makna, (2) pertanggungjawaban bukti, (3) penjelasan mekanisme diskursif dan (4) orientasi emansipasi. Linguistik kritis memperlihatkan kepentingan untuk meneliti cara struktur bahasa merealisasikan ideologi dan menaturalisasikan ketidakadilan makna; kritik penjelasan yang berakar dalam realisme kritis menegaskan keperluan untuk menghubungkan fenomena wacana dengan mekanisme sosial yang lebih mendalam; kerangka Fairclough memperlihatkan hubungan antara teks, proses diskursif dan struktur sosial; manakala pendekatan sejarah wacana memperincikan dimensi kritik imanen, diagnostik sosial dan prospektif sosial. Gagasan adab dalam pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas kemudiannya digunakan untuk menertibkan hubungan antara objek analisis, bukti, tafsiran dan keadilan makna, supaya kerja kritik tidak berhenti sebagai huraian deskriptif atau penilaian normatif semata-mata.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mengusulkan perumusan amalan kritik wacana berasaskan gagasan adab sebagai prinsip ketertiban analitis. Perumusan ini tidak dikemukakan sebagai kaedah baharu atau prosedur tetap, dan tidak bertujuan untuk mengklasifikasikan kajian AWK sedia ada

sebagai beradab atau tidak beradab. Sebaliknya, adab dioperasionalkan sebagai lensa konseptual-operasional untuk memperjelas syarat yang membolehkan sesuatu kritik dinilai sebagai kritis dalam pengertian AWK. Oleh itu, Jadual 1 menjadi teras kerangka metakritik kajian ini kerana merumuskan syarat kekritisan dan soalan panduan analitis yang digunakan untuk membaca sampel jawapan analitis pelajar.

Jadual 1 Syarat kekritisan dan soalan panduan analitis bagi operasionalisasi prinsip adab dalam AWK.

Bil.	Syarat Kekritisan	Soalan Panduan Analitis
1.	Kepekaan terhadap ketidakadilan makna <ul style="list-style-type: none"> • Keupayaan untuk mengenal pasti proses naturalisasi makna yang menjadikan penyimpangan, ketidaksemaan atau dominasi kelihatan sebagai kelaziman. 	Apakah makna, kategori, andaian atau hubungan sosial yang dinaturalisasikan dalam wacana sehingga kelihatan biasa, neutral atau tidak bermasalah?
2.	Pertanggungjawaban bukti <ul style="list-style-type: none"> • Keupayaan untuk memastikan tafsiran disandarkan pada bukti linguistik dan semiotik yang dapat dikenal pasti pada dimensi formal dan fungsional wacana, merangkumi bentuk bahasa atau semiotik yang digunakan, serta fungsi maknanya dalam teks. 	Apakah bentuk linguistik atau semiotik yang menyokong tafsiran, apakah fungsi maknanya dalam teks, dan di manakah bukti itu dapat dijejaki dalam wacana?
3.	Penjelasan mekanisme diskursif <ul style="list-style-type: none"> • Keupayaan untuk menghuraikan cara bukti formal-fungsional tersebut beroperasi dalam proses diskursif dan konteks sosial untuk menghasilkan, mengekalkan atau mencabar hubungan kuasa. 	Bagaimanakah bukti tersebut berfungsi dalam proses diskursif dan konteks sosial yang lebih luas sehingga membentuk, mengekalkan atau mencabar makna dan hubungan kuasa?
4.	Orientasi emansipasi <ul style="list-style-type: none"> • Keupayaan untuk mengarahkan kritik kepada kesedaran, penilaian semula dan kemungkinan perubahan terhadap makna, serta hubungan sosial yang mengekalkan ketidakadilan. 	Apakah bentuk kesedaran, penilaian semula atau kemungkinan perubahan yang dapat dibuka oleh kritik terhadap makna dan hubungan sosial yang mengekalkan ketidakadilan?

Keempat-empat syarat ini disatukan melalui gagasan adab dalam pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas. Dalam makalah ini, adab tidak digunakan sebagai istilah budaya yang merujuk kesopanan, etiket, kelunakan bahasa atau gaya penyampaian berlapis semata-mata, tetapi sebagai prinsip epistemik-normatif yang menstrukturkan hubungan

antara objek analisis, bukti, tafsiran dan keadilan. Dari segi epistemik, adab menuntut penganalisis mengenal pasti objek analisis secara tepat, membezakan dakwaan daripada bukti, serta memastikan tafsiran berpaut pada data tekstual atau semiotik. Dari segi normatif pula, adab mengarahkan analisis terhadap persoalan kewajaran, tanggungjawab dan keadilan dalam pembentukan makna sosial. Dalam pengertian ini, kehilangan adab, sebagaimana yang dihuraikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978, hlm. 109), dapat dikaitkan dengan kelompangan justifikasi apabila pemerhatian tekstual atau semiotik tidak dihubungkan secara teratur dengan tafsiran proses diskursif dan penjelasan sosial. Dengan itu, Jadual 1 berfungsi sebagai lensa metakritik pengkaji terhadap data sedia ada, bukan sebagai prosedur baharu yang menggantikan tuntutan analitis asas dalam AWK atau sebagai kerangka yang diperkenalkan kepada pelajar ketika tugas dilakukan.

METODOLOGI

Data kajian terdiri daripada 11 sampel jawapan analitis yang ditulis dalam bahasa Melayu oleh 11 orang pelajar pascasiswazah di sebuah universiti awam bagi tugas AWK berasaskan pendekatan sejarah wacana (PSW) pada tahun 2020. Jumlah 11 sampel ini merujuk keseluruhan jawapan yang tersedia daripada pelajar yang mengikuti tugas tersebut, bukan sampel yang dipilih untuk mewakili populasi pelajar pascasiswazah secara umum. Pelajar pascasiswazah dipilih kerana mempunyai pendedahan asas terhadap AWK ketika pengajian sarjana muda dan asas latihan akademik untuk menghasilkan bacaan analitis. Dalam konteks kajian ini, jawapan pelajar ini membolehkan penelitian terhadap cara kekritisian AWK direalisasikan dalam penulisan analitis. Dalam kursus pascasiswazah tersebut, konsep kritik serta hubungan antara bahasa, kuasa, ideologi dan unsur semiotik dalam pembinaan makna wacana telah diperkenalkan sejak minggu pertama. Kuliah awal disertakan tutorial dan latihan berpandu bagi membolehkan pelajar mengaplikasikan konsep tersebut dalam pembacaan teks.

Pada minggu ketiga, konsep kritik dihuraikan secara khusus melalui PSW berdasarkan Reisigl dan Wodak (2016, hlm. 22–56), khususnya melalui tiga bentuk kritik yang saling berkaitan, iaitu kritik imanen, kritik diagnostik sosial dan kritik prospektif sosial. Pelajar turut dibimbing melalui perbincangan tentang strategi diskursif, seperti rujukan, predikasi, proses representasi, perspektivasi, intensifikasi dan mitigasi. Tugas yang menjadi data kajian ini merupakan Tutorial 3 pada minggu keempat, iaitu

latihan aplikasi sendiri yang memerlukan pelajar mengkritik teks iklan berdasarkan konsep kritik dalam PSW dan memberikan jawapan pendek tidak melebihi 1,500 patah kata, sama ada ditaip atau ditulis dengan tangan. Arahan tugas turut menuntut analisis linguistik yang terperinci, iaitu pemerhatian terhadap pilihan bahasa dan unsur semiotik iklan yang perlu dihubungkan dengan tafsiran kritis terhadap makna wacana. Dengan itu, tugas ini tidak bertujuan untuk menilai penguasaan PSW secara menyeluruh, tetapi meneliti cara pelajar membina kritik melalui hubungan antara teks, bukti linguistik atau semiotik, tafsiran dan penjelasan sosial.

Bahan tugas dibina dengan memilih satu teks iklan digital daripada halaman Facebook Mom's House Baby Shop, yang diambil pada 2 Mac 2020 (<https://www.facebook.com/MomsHouseBabyShop>), Teks iklannya ialah "Gerenti suami TAK CARI LAIN Lepas isteri guna set pantang SERIMAMA", yang dipegang oleh model lelaki di sebuah kedai yang menjual produk tersebut. Iklan dipilih sebagai genre teks kerana dekat dengan pengalaman harian khalayak, lazimnya ringkas dan persuasif, serta sesuai untuk meneliti cara makna komersial yang kelihatan biasa dapat membawa andaian sosial tentang pengguna, tubuh, gender, keluarga dan tanggungjawab penjagaan diri (Maserah Shabudin & Noraini Ibrahim, 2016; Putri Wahyuni & Badrul Redzuan Abu Hassan 2015). Teks iklan ini pula dipilih secara bertujuan kerana memuatkan unsur yang dapat dianalisis dalam ruang jawapan pendek, termasuklah teks verbal, penegasan tipografi, imej, nama produk dan sasaran pengguna. Sebagai contoh, ungkapan "suami tak cari lain" kelihatan seperti strategi promosi biasa, tetapi mengandaikan bahawa kesetiaan suami dapat dikaitkan dengan tindakan isteri menggunakan set pantang. Andaian ini penting untuk diteliti kerana menormalisasikan hubungan antara tubuh wanita selepas bersalin, penggunaan produk dan tanggungjawab untuk menjaga keharmonian rumah tangga.

Semua 11 jawapan daripada tugas tersebut diteliti sebagai data kajian. Prosedur analisis dijalankan dalam dua tahap. Pertama, iklan dianalisis sebagai asas rujukan untuk menunjukkan cara penjelasan linguistik dan semiotik dapat dibina bagi mempertanggungjawabkan kritik dalam AWK. Kedua, cara semua 11 jawapan pelajar diteliti berpandukan Jadual 1, yang dirumuskan oleh pengkaji pada tahun 2026 sebagai lensa metakritik berteraskan adab dalam pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas. Jadual 1 tidak diberikan kepada pelajar pada tahun 2020 dan bukan rubrik pemarkahan kursus, sebaliknya berfungsi sebagai rubrik

analitis bagi menilai ketertiban hubungan antara objek analisis, bukti, tafsiran dan penjelasan sosial dalam jawapan yang telah dihasilkan. Empat syarat yang digunakan ialah:

- [S1] kepekaan terhadap ketidakadilan makna;
- [S2] pertanggungjawaban bukti;
- [S3] penjelasan mekanisme diskursif; dan
- [S4] orientasi emansipasi.

Dalam kerangka ini, adab difahami sebagai prinsip yang menuntut ketepatan objek analisis, kewajaran tafsiran dan disiplin pembuktian tekstual. Prinsip ini tidak diperkenalkan kepada pelajar ketika tugas dijalankan, tetapi digunakan dalam analisis pada tahun 2026 untuk menilai keteraturan pembinaan kritik dalam jawapan pelajar.

Dalam bahagian analisis, bahagian jawapan pelajar yang dianalisis ditandai dengan [S1], [S2], [S3] atau [S4] apabila bahagian tersebut menjadi asas bagi huraian metakritik pengkaji. Dalam keadaan tertentu, tanda ini disertakan keterangan ringkas, seperti “disebut”, “umum”, “teralih”, “parafrasa”, “label”, “tidak ditambah”, “tidak dikembangkan”, “terlalu cepat”, “terbatas” atau “tidak dibuktikan”. Keterangan ini berfungsi sebagai penanda status analitis, misalnya sama ada sesuatu unsur hanya disebut, diuraikan secara umum, teralih daripada data, mengulang maksud iklan sebagai parafrasa, melabelkan masalah tanpa pembuktian, atau belum menghubungkan bukti dengan tafsiran dan mekanisme diskursif. Penandaan ini membantu pembaca untuk menelusuri hubungan antara jawapan asal dengan huraian metakritik selepasnya. Penandaan tersebut bukan sebahagian daripada jawapan asal pelajar dan tidak digunakan sebagai pengekodan kuantitatif.

Bagi memperkukuh keterkejakan dan kebolehpercayaan tafsiran, analisis dijalankan melalui jejak audit yang merangkumi catatan pemilihan contoh, pemetaan antara bukti tekstual atau semiotik dengan tafsiran, serta semakan berulang terhadap hubungan antara data, syarat kekritisian dan huraian analisis. Selepas semua 11 jawapan diteliti, empat contoh dipilih secara bertujuan kerana memperlihatkan keterbatasan yang menjadi fokus kajian dengan jelasnya. Keempat-empat contoh ini dibincangkan selepas analisis rujukan terhadap iklan yang berfungsi sebagai asas perbandingan analitis, bukan sebagai jawapan contoh atau tafsiran tunggal terhadap iklan. Pemilihan contoh ini tidak bertujuan untuk membuat generalisasi terhadap semua jawapan pelajar dan tidak bermaksud bahawa semua jawapan pelajar tidak kritis. Maklumat pengenalan pelajar ditiadakan,

manakala institusi dirujuk secara umum supaya perbincangan tertumpu pada isu analitis, bukan penilaian terhadap individu atau institusi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Teks iklan memperlihatkan cara wacana komersial memanfaatkan kebimbangan yang dibentuk dalam kerangka patriarki tentang kesetiaan suami untuk membina keperluan terhadap produk penjagaan selepas bersalin. Masalah utamanya bukan sekadar pada tema kecurangan, pemujukan produk atau hubungan suami isteri, tetapi pada mekanisme perwakilan yang menghubungkan tubuh isteri selepas bersalin dengan pengurusan perlakuan lelaki. Melalui hubungan ini, tanggungjawab moral suami terhadap kesetiaan dialihkan kepada isteri, manakala tubuh wanita yang sedang melalui pemulihan pascabersalin dijadikan tapak intervensi komersial. Oleh itu, iklan bukan sahaja menjual produk, tetapi menaturalisasikan beban gender sebagai kewajipan isteri untuk mengurus tubuhnya demi mengelakkan kemungkinan suami “cari lain”.

Mekanisme ini dapat dilihat pada cara iklan menyusun hubungan antara tindakan isteri dengan kesetiaan suami melalui logik syarat-matlamat yang tersirat. Secara sintaksis, iklan ini tidak merealisasikan struktur bersyarat secara eksplisit melalui bentuk “*jika ... maka ...*”. Namun begitu, hubungan tersebut dapat diinferensikan melalui susunan bahasa dalam teks. Secara semantik, bacaan anankastik merujuk hubungan antara matlamat dengan syarat pencapaiannya, iaitu X perlu dilakukan sekiranya Y hendak dicapai. Dalam konteks teks iklan, X ialah tindakan isteri untuk menggunakan set pantang SERIMAMA, manakala Y ialah hasil “suami TAK CARI LAIN”. Hubungan ini dibina melalui tiga unsur yang saling berkait, iaitu:

- (1) Ungkapan “Gerenti” berfungsi sebagai penanda jaminan terhadap Y kerana ungkapan ini mengemukakan hasil tersebut sebagai sesuatu yang dijanjikan oleh pewacana.
- (2) Klausa penafian “suami TAK CARI LAIN” menamakan Y sebagai ketiadaan tindakan suami mencari wanita lain.
- (3) Klausa temporal “Lepas isteri guna set pantang SERIMAMA” pula memperkenalkan X sebagai tindakan yang mendahului hasil itu.

Walaupun klausa “Lepas ...” bukan anteseden bersyarat secara formal kerana tidak ditandai oleh “jika”, dalam bacaan anankastik, klausa ini sepadan dengan posisi anteseden kerana memperkenalkan tindakan yang

ditafsirkan sebagai syarat. Dengan adanya jaminan “Gerenti”, hubungan temporal tersebut tidak kekal sebagai urutan masa, tetapi bergerak menjadi hubungan cara-matlamat.

Bacaan anankastik ini turut disokong oleh orientasi bouletik tersirat. Walaupun teks iklan ini tidak merealisasikan proses mental desideratif secara eksplisit melalui bentuk, seperti “mahu”, “ingin” atau “hendak”, struktur maknanya tetap mengandaikan bahawa khalayak sasaran menginginkan keadaan suami tidak “cari lain”. Dalam teks ini, hubungan yang dibina lebih sesuai dihuraikan sebagai hubungan tindakan-hasil yang melibatkan proses material: X, iaitu isteri menggunakan set pantang SERIMAMA, diposisikan sebagai tindakan penggunaan produk, manakala Y, iaitu keadaan suami tidak “cari lain”, diposisikan sebagai hasil yang bernilai dan dikehendaki. Andaian bouletik ini penting kerana hubungan cara-matlamat hanya berfungsi jika Y diterima sebagai hasil yang diinginkan. Oleh itu, penggunaan produk memperoleh nilai sebagai syarat yang bermakna. Maka, iklan bukan sahaja mengaitkan tindakan isteri dengan kesetiaan suami, tetapi turut menaturalisasikan tanggungjawab isteri untuk mengurus tubuh selepas bersalin demi mengawal kemungkinan perlakuan suami.

Titik kritis iklan terletak pada cara agensi dan tanggungjawab diagihkan. Dalam logik anankastik tersirat ini, perlakuan suami untuk tidak “cari lain” dikondisikan oleh penggunaan set pantang SERIMAMA oleh isteri. Oleh itu, kesetiaan lelaki tidak direpresentasikan sebagai tanggungjawab moralnya sendiri, tetapi sebagai hasil yang perlu diusahakan melalui tubuh wanita pascabersalin. Beban menjaga keutuhan hubungan perkahwinan terus diletakkan pada isteri, walaupun tubuhnya baru melalui kehamilan, kelahiran dan proses pemulihan. Lalu, set pantang tidak hadir semata-mata sebagai produk penjagaan diri, tetapi sebagai instrumen yang dikaitkan dengan usaha untuk memastikan tubuh wanita kembali memenuhi jangkaan domestik dan seksual yang dibayangkan oleh teks. Di sinilah logik patriarki dinaturalisasikan apabila pemulihan selepas bersalin tidak dibingkai, terutamanya sebagai kesejahteraan wanita, tetapi sebagai kewajipan tubuh isteri demi mengekalkan perhatian dan kesetiaan suami.

Perbincangan seterusnya beralih kepada empat contoh jawapan pelajar dengan meneliti keterbatasan dalam menjadikan teks sebagai objek analisis, mengembangkan tafsiran menjadi penjelasan analitis, mengoperasikan teori sebagai alat untuk membaca data, dan membuktikan penilaian kritis melalui bahasa. Dalam bahagian ini, konsep adab diterapkan sebagai

prinsip metakritik untuk menilai, sama ada jawapan pelajar meletakkan teks, bukti, tafsiran dan penjelasan sosial pada kedudukan analitis yang wajar atau tidak. Adab tidak dinilai sebagai kesopanan gaya bahasa, tetapi sebagai ketertiban epistemik dalam pembinaan kritik: teks dijadikan objek analisis, bukti linguistik dan semiotik dijejaki, tafsiran berpaut pada data, dan penjelasan sosial dibina secara munasabah. Keempat-empat tuntutan ini dihuraikan melalui Syarat 1 hingga Syarat 4 dalam Jadual 1.

Keterbatasan Menjadikan Teks sebagai Objek Analisis

Keterbatasan pertama berlaku apabila kritik tidak bertumpu secara memadai pada teks yang dikaji. Dalam kerangka Jadual 1, pertanggungjawaban bukti menjadi asas kerana tafsiran hanya dapat dipertanggungjawabkan apabila disandarkan pada bentuk linguistik atau semiotik yang dapat dikenal pasti dalam wacana. Tanpa asas ini, kepekaan terhadap ketidakadilan makna dan penjelasan mekanisme diskursif turut menjadi terbatas. Jawapan dapat kelihatan kritis kerana membincangkan genre, media, semiotik, ideologi atau konteks sosial, tetapi belum menunjukkan cara makna dalam data dibina melalui pilihan bahasa dan unsur visual tertentu. Dalam AWK, konteks memang penting, tetapi hanya berfungsi secara analitis apabila digunakan untuk menerangkan cara teks tertentu menghasilkan makna tertentu. Jika konteks mengambil alih tempat teks, kritik berubah menjadi huraian umum tentang isu pada sekitar data, bukan penjelasan tentang cara data itu bekerja. Teliti Teks 1:

Teks 1: Sampel Jawapan Pelajar

Iklan merupakan satu genre wacana promosi [S2-umum] yang bertujuan menjalankan aktiviti seperti pemberitahuan dan mempromosikan idea, produk dan juga perkhidmatan [S2-umum] bagi golongan tertentu. Wacana iklan yang diteliti daripada dimensi tekstual boleh juga digabungkan dengan elemen lain bagi memberi kesan yang lebih mendalam kepada golongan sasaran. Apabila mesej yang disalurkan mendapat perhatian daripada pengguna, maka tarikan terhadap produk juga semakin meningkat. kuasa bahasa [S2/S3-tidak ditambah] yang digunakan oleh pengiklan mampu meningkatkan pemasaran sesuatu produk yang bermula daripada tarikan awal dalam iklan.

Asmah (1984) membahagikan iklan kepada iklan perniagaan dan iklan pemberitahuan. Beliau berpendapat bahawa matlamat penggunaan bahasa iklan adalah untuk membentuk persepsi pengguna, seterusnya mengubah sikap mereka supaya akhirnya dapat mempengaruhi tindakan pengguna. Dalam wacana iklan kecantikan wanita [S1-teralih], unsur

semiotik [S2/S3-tidak ditambah] merupakan elemen yang paling penting dan berperanan besar dalam menyampaikan konsep dan mesej mengenai sesuatu produk yang ingin diiklankan. Imej visual dikatakan lebih efektif dan lebih memberi makna daripada seribu perkataan dan memainkan peranan yang amat penting bagi menarik perhatian pengguna dan dalam masa yang sama sebagai alat yang membentuk hubungan dialektikal antara pewacana dan khalayak.

Dalam media massa khususnya bagi wacana pengiklanan, unsur semiotik memainkan peranan penting dan berkuasa dalam membentuk nilai, kepercayaan dan ideologi masyarakat di Malaysia. Bagi wanita Malaysia, pengaruh iklan dan daya tarikan dalam media cetak seperti majalah sangat kuat dan berupaya mencetus, membangkitkan dan menyemat sesuatu ideologi kecantikan [S1-teralih] sehingga cara solekan, berpakaian dan cara dandanan rambut [S1-teralih] adalah mengikut gaya semasa yang dicadangkan oleh iklan dalam sesebuah majalah.

Pengaruh media dalam iklan dan majalah sangat besar dan berjaya dalam membangkitkan dan menguatkan lagi ideologi kecantikan tersebut, sehingga cara berpakaian dan mengenakan solekan adalah mengikut trend semasa yang dicadangkan oleh iklan dalam majalah [S1-teralih]. Media khususnya majalah wanita dan iklan kecantikan [S1-teralih], memainkan peranan yang cukup besar dalam mencipta dan membentuk 'imej sosial' serta mencetus serta membangkitkan idealisme kecantikan tanpa mengira status sosioekonomi, khususnya dalam kehidupan sosial wanita moden Malaysia [S1-teralih] pada hari ini, yang lebih berpendidikan dan lebih terdedah dengan aktiviti sosial di luar rumah.

Dalam Teks 1, teks iklan belum dijadikan objek analisis utama. Jawapan bermula dengan kenyataan umum bahawa iklan ialah "genre wacana promosi" dan bertujuan "mempromosikan idea, produk dan juga perkhidmatan", sebelum beralih kepada "kuasa bahasa", "unsur semiotik", "pengaruh media" dan "ideologi kecantikan". Istilah dan rujukan ini berpotensi relevan dalam AWK, termasuklah rujukan kepada Asmah (1984) tentang fungsi bahasa iklan. Namun begitu, kerelevanan konseptual tidak memadai jika tidak ditambatkan pada bukti khusus dalam data. Dari sudut Syarat 2, jawapan tidak menunjukkan unsur linguistik atau semiotik dalam teks iklan sebagai bukti pembinaan makna. Akibatnya, iklan hanya menjadi pencetus perbincangan, bukan tempat makna diteliti dan dibuktikan.

Keterbatasan ini turut menjejaskan Syarat 1. Teks 1 mengembangkan perbincangan kepada "wacana iklan kecantikan wanita", "majalah wanita", "ideologi kecantikan", "cara solekan, berpakaian dan cara dandanan

rambut”, serta “wanita moden Malaysia”. Peralihan ini menunjukkan kepekaan umum terhadap isu media dan pembentukan imej wanita, tetapi teralih daripada makna khusus yang dinaturalisasikan dalam teks iklan. Data yang dianalisis bukan iklan kecantikan dalam majalah wanita, tetapi iklan produk penjagaan selepas bersalin yang menghubungkan tubuh isteri dalam tempoh berpantang dengan kemungkinan suami “cari lain”.

Dari sudut Syarat 3, Teks 1 belum menjelaskan mekanisme diskursif yang menghubungkan bukti formal-fungsional dengan konteks sosial. Pernyataan tentang “kuasa bahasa” dan “unsur semiotik” tidak diuraikan melalui bentuk bahasa, imej atau susunan makna dalam teks iklan. Jawapan tidak menjelaskan, misalnya, bagaimana susunan “Gerenti” + “suami TAK CARI LAIN” + “Lepas isteri guna set pantang SERIMAMA” membina hubungan antara jaminan, hasil dan syarat. Oleh itu, istilah “kuasa bahasa” dan “unsur semiotik” tidak berfungsi sebagai alat analisis, tetapi sebagai huraian latar yang terpisah daripada data.

Dalam kerangka adab yang mendasari Jadual 1, objek analisis perlu diletakkan pada tempatnya yang wajar: teks perlu dibaca sebagai tempat makna dibina, bukti perlu dijejaki dalam bentuk linguistik dan semiotik, dan konteks sosial perlu digunakan untuk menjelaskan mekanisme makna. Oleh sebab Teks 1 belum membina hubungan yang tertib antara objek analisis, bukti, tafsiran dan penjelasan sosial, Syarat 4 juga belum terbentuk sebagai orientasi emansipasi yang berpaut pada data. Masalahnya bukan hanya kekurangan bukti, tetapi ketiadaan asas analitis yang membolehkan kritik bergerak kepada kesedaran atau perubahan sosial yang lebih terarah.

Keterbatasan Mengembangkan Tafsiran Menjadi Penjelasan Analitis

Keterbatasan kedua berlaku apabila tafsiran terhadap maksud wacana dianggap sudah memadai sebagai kritik. Berbeza daripada Teks 1 yang lebih jelas menjauh daripada data, Teks 2 sudah merujuk beberapa unsur linguistik dan semiotik dalam iklan. Namun begitu, unsur, seperti “Gerenti”, “SERIMAMA”, “suami tak cari lain”, sasaran khalayak, retorik pemujukan dan imej lelaki lebih banyak hadir sebagai contoh, label atau parafrasa maksud, bukan sebagai bukti yang dianalisis dari segi fungsi maknanya. Dalam AWK, pemerhatian linguistik perlu bergerak daripada “apakah maksud iklan?” kepada “bagaimanakah maksud itu dibina, disahkan dan dinaturalisasikan melalui bentuk linguistik, serta semiotik tertentu?” Teliti Teks 2:

Teks 2: Sampel Jawapan Pelajar

Rajah di atas bertujuan untuk memaparkan iklan mengenai satu produk.

Iklan tersebut dipaparkan dalam bentuk yang ringkas, iaitu hanya

menggunakan satu ayat yang mempunyai pelbagai maksud tersirat di sebaliknya [S1/S2-umum]. Sasarannya pula adalah kepada golongan wanita yang bergelar isteri dan lebih khusus lagi buat mereka yang baru melahirkan bayi [S2-disebut]. Iklan ini juga tidak dikhususkan kepada golongan lelaki dan wanita yang masih bujang.

Masalah-masalah yang boleh diketengahkan termasuklah isteri-isteri memerlukan set pantang yang dikeluarkan oleh SERIMAMA ini bagi mengelakkan suami berlaku curang atau suami mencari wanita lain [S1-parafrasa]. Memetik statistik kes penceraian pasangan yang beragama Islam di Selangor, dilaporkan sebanyak 12,204 kes sehingga 2017 [S3-tidak ditambah]. Bilangan ini menunjukkan jumlah yang banyak dan semua pasangan tidak menginginkan hal ini terjadi.

Berdasarkan Rajah di atas, analisis bagi aspek discourse-immanent critique dapat dilihat apabila sebenarnya para isteri tidak perlu untuk membeli dan menggunakan set pantang SERIMAMA [S1/S3-teralih]. Hal ini kerana, isteri boleh sahaja menggunakan alatan atau bahan tradisional ketika berpantang. Dapat dilihat juga melalui zaman dahulu, para isteri hanya menggunakan perubatan tradisional dan perlakuan ini telah menjadi norma pada ketika itu. Kesannya, hubungan suami isteri tersebut kekal sehingga ke anak cucu.

Bagi socio-diagnostic critique pula merupakan kritikan yang menjadikan sesuatu hal lebih mudah difahami dan mengurangkan kekeliruan dalam memahami sesuatu isu. Kritikan jenis ini dapat dipecahkan kepada tiga, iaitu dari sudut formal, fungsional dan sosial. Dari aspek formal, dalam teks, dapat dilihat melalui perkataan atau leksikal 'Gerenti' [S2-disebut]. Perkataan 'Gerenti' ini merupakan praandaian atau presuposisi yang telah digunakan dalam wacana tersebut. Perkataan ini digunakan bagi meyakinkan audiens atau khalayak bagi mempercayai akan kepastian keberkesanan produk tersebut. Seterusnya, dapat dilihat ejaan 'SERIMAMA' yang ditulis dengan menggunakan huruf besar keseluruhannya [S2-disebut]. Hal ini bagi menimbulkan kesan terhadap pembaca, iaitu berkenaan dengan perkara yang ingin diberi perhatian. Seterusnya, dari aspek fungsional bagi wacana tersebut dapat dilihat terdapat unsur pragmatik dalam penggunaan bahasanya. Wacananya, merujuk kepada jika isteri mahu suami setia, maka isteri perlu menggunakan set pantang SERIMAMA [S1/S3-parafrasa]. Dapat juga dilihat melalui retorik yang digunakan, iaitu retorik pemujukan [S3-label]. Jika dinilai melalui imej pula, dapat dilihat seorang lelaki yang memegang tulisan atau teks tersebut [S2-disebut]. Persoalannya, mengapa bukan wanita yang mempromosinya? Hal ini bagi menunjukkan

perlambangan lelaki itu sebagai suami yang mahukan isteri menggunakan produk tersebut [S3-tidak dikembangkan].

Di samping itu, dapat dilihat juga melalui amalan sosial, iaitu suami sering berlaku curang terhadap isteri [S3-dakwaan sosial]. Norma dalam masyarakat lelaki ialah mahukan kesempurnaan seorang isteri, iaitu tetap cantik dan berseri selepas bersalin [S1/S3-umum]. Di sini juga turut menunjukkan isteri lepas bersalin, tidak menjaga diri seperti sebelum bersalin [S1-mengulang andaian].

Kritikan yang terakhir pula ialah kritikan prospektif yang berkaitan masa hadapan. Oleh itu, wacana ini telah memberi pilihan dan peluang kepada isteri agar tidak kehilangan suami, iaitu dengan menggunakan set pantang SERIMAMA [S4-menerima logik iklan]. Pewacana juga perlu mengelakkan daripada menggunakan atau menggambarkan seorang suami itu bersifat jahat. Misalnya, dalam wacana yang menggunakan ‘suami tak cari lain’ yang dapat ditafsirkan sebagai suami curang [S4-terbatas].

Secara kesimpulannya, ketiga-tiga jenis kritikan seperti discourse-immanent critique, socio-diagnostic critique dan kritikan prospektif yang berkaitan masa hadapan telah dijelaskan berdasarkan Rajah 1 yang telah ditunjukkan. Huraian-huraian bagi ketiga-tiga kritikan telahpun dihuraikan.

Dalam Teks 2, keterbatasan utama bukanlah ketiadaan rujukan terhadap data, tetapi kegagalan mengembangkan rujukan tersebut menjadi penjelasan tentang fungsi makna. Jawapan sudah mengenal pasti sasaran wanita selepas bersalin, ungkapan “Gerenti”, nama produk “SERIMAMA”, penggunaan huruf besar, retorik pemujukan dan imej lelaki. Namun begitu, unsur ini masih hadir sebagai contoh, label atau parafrasa. Hal ini jelas apabila Teks 2 menyatakan bahawa isteri memerlukan set pantang SERIMAMA “bagi mengelakkan suami berlaku curang atau suami mencari wanita lain”. Pernyataan ini menangkap satu daripada makna utama iklan, tetapi masih menerima hubungan antara tindakan isteri dengan perlakuan suami sebagai isi mesej, sedangkan secara kritis, hubungan itulah yang perlu dipersoalkan. Dari sudut Syarat 1, isu ketidakadilan makna bukan sekadar bahawa iklan membayangkan kemungkinan suami berlaku curang, tetapi bahawa tanggungjawab terhadap kemungkinan itu dialihkan kepada tubuh dan tindakan isteri.

Dari sudut Syarat 2, bukti linguistik yang dinyatakan dalam Teks 2 belum dianalisis dari segi fungsi maknanya. “Gerenti” tidak cukup diuraikan sebagai kata yang “meyakinkan”. Secara analitis, ungkapan ini berfungsi sebagai penanda jaminan yang memberikan kepastian terhadap hasil “suami tak cari lain”. “SERIMAMA” dan huruf besar pula tidak hanya menarik perhatian, tetapi menonjolkan produk sebagai jalan untuk mencapai hasil tersebut. Rumusan “jika isteri mahu suami setia, maka isteri perlu menggunakan set pantang SERIMAMA” sudah menghampiri logik syarat-matlamat, tetapi masih berhenti sebagai parafrasa kerana belum menunjukkan cara bentuk bahasa menyusun hubungan antara tindakan isteri, produk dan kesetiaan suami.

Dari sudut Syarat 3, konteks sosial yang dikemukakan belum disambungkan kepada mekanisme bahasa atau semiotik iklan. Statistik perceraian dapat berfungsi sebagai konteks jika dijelaskan peranannya bagi menunjukkan keluasan kebimbangan tentang keretakan rumah tangga atau cara wacana komersial memanfaatkannya. Namun begitu, angka “12,204 kes sehingga 2017” tidak disertakan sumber yang jelas dan tidak ditambatkan pada analisis bentuk bahasa. Begitu juga bahagian kritik imanen wacana (*discourse-immanent critique*) mengalihkan perhatian terhadap persoalan, sama ada isteri perlu membeli produk atau boleh menggunakan bahan tradisional, sedangkan ketegangan dalaman wacana terletak pada cara janji tentang kesetiaan suami dibina melalui tindakan isteri terhadap tubuh pascabersalin.

Bahagian amalan sosial menunjukkan kepekaan terhadap medan gender, tetapi belum cukup tertib dari segi hubungan antara bukti dengan tafsiran. Pernyataan, seperti “suami sering berlaku curang”, “lelaki mahukan kesempurnaan seorang isteri” dan “isteri lepas bersalin tidak menjaga diri” menyentuh isu patriarki, kecantikan dan tubuh wanita. Namun begitu, dakwaan tersebut tidak diterbitkan secara jelas daripada pembacaan terhadap bentuk bahasa atau imej dalam teks iklan. Malah, pernyataan bahawa isteri selepas bersalin “tidak menjaga diri” berisiko untuk mengulang andaian yang sepatutnya dianalisis secara kritis.

Dalam kerangka adab yang mendasari Jadual 1, keterbatasan Teks 2 terletak pada hubungan yang belum tertib antara bukti dengan tafsiran. Unsur bahasa, imej, sasaran khalayak dan bentuk kritik dalam PSW sudah dinyatakan, tetapi belum digunakan untuk menjelaskan cara wacana bekerja. Tafsiran terhadap maksud tersirat iklan hanya menjadi kritik apabila berpaut pada bukti, diuraikan melalui mekanisme diskursif dan diarahkan kepada penilaian semula terhadap makna yang mengekalkan

ketidakadilan. Oleh itu, masalah Teks 2 bukan ketiadaan data, tetapi kegagalan untuk menjadikan data sebagai asas penjelasan kritis.

Keterbatasan Mengoperasikan Teori sebagai Alat untuk Membaca Data

Keterbatasan ketiga berlaku apabila teori dinyatakan, tetapi tidak dioperasikan untuk membaca data. Jika Teks 1 menunjukkan keadaan apabila konteks menggantikan teks, dan Teks 2 memperlihatkan rujukan terhadap teks yang belum berkembang menjadi penjelasan analitis, Teks 3 pula menunjukkan teori yang hadir sebagai penanda akademik, tetapi bukan sebagai alat untuk meneliti iklan. Jawapan kelihatan teoritis kerana memuatkan frasa, seperti “teori sosial”, “pengetahuan kontekstual”, “peristiwa diskursif” dan “kritikan prospektif”. Namun begitu, istilah tersebut tidak mengarahkan pembacaan terhadap data apabila tidak digunakan untuk menjelaskan cara iklan membina makna, menaturalisasikan andaian dan berkait dengan hubungan kuasa. Teliti Teks 3:

Teks 3: Sampel Jawapan Pelajar

Hari ini, terdapat pelbagai jenis iklan yang ditayangkan di media massa sama ada berbentuk barang, perkhidmatan dan lain-lain sama ada secara visual, audio atau kedua-duanya sekali. Iklan yang ditayangkan di sosial media seperti facebook banyak mempengaruhi minda masyarakat [S3-umum]. Ironinya iklan ini mempunyai kebaikan dan keburukannya yang tersendiri ianya mungkin tidak diketahui atau tidak diendahkan oleh semua pihak dek kerana hanya terlalu memfokuskan pada keburukannya sahaja.

Dalam rajah imej yang diambil daripada halaman facebook ‘Mom’s House’ pada 2 Mac 2020, harus memanfaatkan pengetahuan kontekstual menggunakan teori sosial [S3-tidak dioperasikan]. Model teori dari pelbagai disiplin ilmu untuk menafsirkan peristiwa diskursif [S3-tidak ditentukan]. Kritikan prospektif yang berkaitan dengan masa depan bertujuan untuk menyumbang kepada peningkatan komunikasi [S4-definisi umum]. Sebagai contoh, dengan menghuraikan garis panduan menentang tingkah laku bahasa seksis atau dengan mengurangkan “larangan bahasa” di hospital, sekolah, dan sebagainya.

Berdasarkan rajah imej iklan ini, kritikan dari sudut kebaikan dapat dilihat ialah ringkas dan mudah difahami [S2-pemerian]. Iklan imej ini sangat ringkas dan teks yang ditulis menggunakan ayat yang mudah dan ianya sangat mudah difahami oleh pembaca. Pembaca tidak perlu memerah otak untuk memikirkan dan memahami maksud tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan kerana iklan ini menyampaikan mesejnya secara

terus dan tidak mengelirukan. Selain itu, teks iklan ini juga membawa daya pemujukan [S3-label]. Sebagai contoh yang dilihat pada kata-kata yang digunakan seperti ‘Gerenti Suami tak cari lain’ [S2-disebut]. Kata-kata ini menjadi tarikan kepada pembaca khususnya golongan wanita supaya tertarik ingin membeli dan mencubanya kerana terpengaruh dengan slogan yang ada pada iklan ini iaitu ‘Gerenti suami tak cari lain lepas isteri guna set pantang Serimama’ [S2/S3-tidak dikembangkan]. Walaupun iklan ini menggunakan teks yang pendek tetapi maklumat penyampaian dan strategi perniagaannya berkesan.

Dalam Teks 3, keterbatasan utama terletak pada kegagalan untuk mengoperasikan teori sebagai alat untuk membaca data. Dalam jawapan, dinyatakan bahawa analisis “harus memanfaatkan pengetahuan kontekstual menggunakan teori sosial” dan bahawa “model teori dari pelbagai disiplin ilmu” diperlukan “untuk mentafsirkan peristiwa diskursif”. Pernyataan ini pada zahirnya sejajar dengan orientasi AWK yang menuntut hubungan antara teks, wacana dan konteks sosial. Namun begitu, dari sudut Syarat 3, jawapan tidak menjelaskan pengetahuan kontekstual yang digunakan, teori sosial yang menjadi asas tafsiran, atau cara teori dinyatakan untuk membantu membaca iklan dalam teks iklan. Istilah “peristiwa diskursif” juga dinyatakan tanpa penentuan tentang peristiwa yang dimaksudkan, proses wacana yang terlibat, atau bukti linguistik dan semiotik yang membolehkannya dikenal pasti. Oleh itu, teori tidak berfungsi sebagai alat heuristik untuk membuka data, tetapi sebagai pernyataan umum tentang perkara yang sepatutnya dilakukan dalam analisis.

Apabila Teks 3 beralih kepada iklan, ruang analisis diisi oleh pemerian keberkesanan komunikasi. Iklan dikatakan “ringkas”, “mudah difahami”, “tidak mengelirukan”, mempunyai “daya pemujukan” dan menggunakan “strategi perniagaan” yang berkesan. Pemerian ini menunjukkan bahawa pelajar mengenal pasti kesan permukaan iklan terhadap khalayak. Namun begitu, dalam AWK, pemerian keberkesanan tidak memadai jika tidak dikaitkan dengan cara makna sosial dan hubungan kuasa dibina. Ungkapan “Gerenti suami tak cari lain” dinyatakan sebagai slogan yang menarik pembaca wanita, tetapi tidak dihuraikan sebagai struktur makna yang menghubungkan penggunaan produk oleh isteri dengan perlakuan suami.

Dari sudut Syarat 2, Teks 3 menyatakan bukti linguistik penting, iaitu ungkapan “Gerenti suami tak cari lain lepas isteri guna set pantang Serimama”. Namun begitu, bukti tersebut tidak dianalisis dari segi fungsi makna. Jawapan tidak menjelaskan cara “Gerenti” membina kesan kepastian, cara klausa “suami tak cari lain” menetapkan hasil yang

dikehendaki, atau cara frasa “lepas isteri guna set pantang Serimama” menghubungkan tindakan isteri dengan hasil tersebut. Kegagalan ini turut menjejaskan Syarat 1 kerana makna yang dinaturalisasikan oleh iklan tidak dikenal pasti secara jelas: pemujukan produk membina andaian bahawa tubuh isteri selepas bersalin perlu diurus supaya suami tidak mencari wanita lain.

Keterbatasan ini turut menjejaskan Syarat 4. Berbeza daripada Teks 2, yang sekurang-kurangnya cuba mengemukakan cadangan prospektif walaupun masih terikat pada logik iklan, Teks 3 hanya menyatakan kritik prospektif pada tahap definisi umum. Tiada cadangan yang dibina daripada analisis terhadap ungkapan “Gerenti suami tak cari lain”, hubungan antara penggunaan produk dengan kesetiaan suami, atau pembungkahan tubuh wanita selepas bersalin. Dalam kerangka adab yang mendasari Jadual 1, teori perlu diletakkan pada fungsinya yang wajar sebagai alat untuk membaca data. Oleh itu, kekritisian dalam AWK memerlukan pengoperasian teori secara bertanggungjawab, bukan sekadar penyebutan istilah teori dalam jawapan.

Keterbatasan Membuktikan Penilaian Kritis melalui Bahasa

Keterbatasan keempat berlaku apabila masalah sosial sudah dinyatakan, tetapi belum dibuktikan melalui analisis linguistik dan semiotik yang mencukupi. Berbanding dengan Teks 1, Teks 2 dan Teks 3, Teks 4 lebih hampir kepada kritik kerana isu gender, kuasa dan ideologi dikenal pasti dengan lebih jelas. Namun begitu, dalam AWK, penamaan masalah tidak boleh menggantikan kerja pembuktian. Penilaian, seperti “seksis”, “lucah”, “unsur negatif” atau “masyarakat yang berfikiran kotor” perlu ditunjukkan melalui bentuk bahasa, imej dan susunan makna yang dapat dijejaki dalam teks. Yang perlu dibuktikan bukan hanya bahawa iklan itu bermasalah, tetapi bagaimana iklan tersebut membina masalah itu secara wacana. Teliti Teks 4:

Teks 4: Sampel Jawapan Pelajar

Kritikan

Kritik merupakan salah satu daripada tiga konsep dalam DHA selain kuasa dan idealogi. Menurut Reisigl dan Wodak (2016) kritik difahami sebagai mendapatkan jarak daripada data, memfrasakan data dalam konteks sosial, memperjelaskan wacana peserta dalam posisi politik dan memberi tumpuan pada refleksi diri secara berterusan sementara menjalankan kajian. Konsep kritikan mengintegrasikan tiga aspek yang berkaitan iaitu kritikan teks/wacana segera, kritikan sosio-diagnostik dan kritikan prospektif berkaitan masa hadapan.

Berdasarkan imej tugas 1, dari segi aspek kritikan teks/wacana segera dan aspek kritikan sosio-diagnostik, berlaku satu bentuk pencanggahan iaitu penggunaan model lelaki sebagai penjualan set berpantang wanita [S2-disebut] dengan mesej yang berunsurkan seksis [S1-dinamakan]. Mesej berkenaan menyampaikan maksud bahawa mana-mana wanita yang menggunakan produk mereka akan disayangi dan tidak ditinggalkan oleh si suami [S1-tafsiran]. Produk yang dijual merupakan produk berpantang kepada ibu mengandung. Produk berkenaan dinyatakan mampu mengembalikan keadaan fizikal isteri seperti sebelum mengandung. Mesej berkenaan bukan sahaja berunsurkan seksis malah lucu [S1-label tidak dibuktikan]. Penggunaan mesej seperti ini seolah-olah menganjurkan penggunaan unsur negatif ini dalam masyarakat dan perlu diperbaiki [S4-umum].

Ideologi

Menurut Reisingl dan Wodak (2016), DHA dilihat sebagai perspektif (selalunya bias). Terdapat tiga gambaran yang saling berkait iaitu model perwakilan, model visioner dan model programatik. Berdasarkan imej tugas 1 tersebut, model perwakilan ialah seorang lelaki mempromosikan produk wanita dengan mesej yang berunsurkan seksis dan lucu [S1/S2-label]. Dari segi model visioner pula, keadaan ini boleh merebak dan masyarakat akan terikut-ikut menggunakan kaedah penyampaian mesej dengan makna tersirat yang berunsurkan lucu [S3-terlalu cepat]. Dari segi model programatik, jika keadaan berterusan, hal ini melahirkan masyarakat yang berfikiran kotor [S3/S4-tidak dibuktikan].

Kuasa

Bahasa tidak berkuasa secara sendiri sebaliknya bahasa dijadikan sebagai alat untuk mendapatkan dan mengekalkan kuasa melalui penggunaan bahasa dan ekspresi hubungan kuasa. Dalam kes imej tugas 1 di atas, terdapat beberapa frasa yang ditulis dengan menggunakan huruf besar keseluruhannya iaitu TAK CARI LAIN [S2-disebut] dan SERIMAMA [S2-disebut]. Tujuan penggunaan huruf besar ini adalah untuk memberi penekanan kepada aspek berkenaan. Nama produk iaitu Serimama adalah untuk menonjolkan nama produk berkenaan manakala frasa tak cari lain adalah untuk menekankan mesej iaitu fungsi atau kelebihan mengambil produk berkenaan iaitu kesan pengambilan produk tersebut terhadap suami [S3-hampir tetapi belum dikembangkan].

Dalam Teks 4, kepekaan terhadap isu gender dan kuasa lebih jelas berbanding dengan tiga teks sebelumnya. Jawapan mengenal pasti penggunaan model lelaki, mesej “suami tak cari lain”, penegasan tipografi

“TAK CARI LAIN” dan “SERIMAMA”, serta hubungan antara produk wanita dengan kesan terhadap suami. Namun begitu, bukti tersebut masih belum dihuraikan secara mencukupi dari segi fungsi maknanya. Oleh itu, Teks 4 lebih hampir kepada kritik, tetapi belum sepenuhnya mempertanggungjawabkan penilaian kritisnya melalui bahasa dan semiotik.

Hal ini dapat dilihat pada penggunaan label “seksis” dan “lucah”. Penilaian bahawa mesej iklan bersifat seksis berpotensi untuk dipertahankan kerana iklan menghubungkan penggunaan produk oleh isteri dengan kemungkinan suami tidak “cari lain”. Namun begitu, penilaian tersebut perlu dibuktikan melalui analisis tentang cara agensi dan tanggungjawab diagihkan dalam teks. Yang perlu ditunjukkan ialah bagaimana klausa “suami TAK CARI LAIN” membina kesetiaan suami sebagai hasil yang dijanjikan, manakala frasa “Lepas isteri guna set pantang SERIMAMA” meletakkan tindakan isteri sebagai syarat terhadap hasil tersebut. Tanpa huraian ini, label “seksis” masih berada pada tahap penamaan masalah. Label “lucah” pula lebih berisiko kerana teks iklan tidak menampilkan unsur seksual secara eksplisit. Jika istilah ini mahu dipertahankan, analisis perlu menunjukkan cara makna seksual dibayangkan secara tersirat melalui hubungan antara tubuh isteri selepas bersalin, kehendak suami dan jaminan produk.

Pemerhatian tentang penggunaan model lelaki membuka ruang analisis semiotik yang kuat. Imej lelaki dalam iklan tidak hadir secara neutral kerana teks verbal yang dibawanya berkaitan dengan perlakuan suami. Kehadiran lelaki sebagai pembawa mesej boleh dibaca sebagai penempatan suara lelaki dalam wacana produk wanita, khususnya apabila manfaat produk dirumuskan dari sudut kesan terhadap suami. Namun begitu, Teks 4 belum menghuraikan hubungan antara imej lelaki, sasaran pengguna wanita selepas bersalin dan janji “suami tak cari lain”. Akibatnya, pemerhatian tentang model lelaki kekal sebagai catatan semiotik, bukan analisis tentang cara kuasa representasi beroperasi dalam iklan.

Bahagian “Ideologi” memperlihatkan pergerakan yang terlalu cepat daripada teks kepada kesan sosial. Teks 4 menyatakan bahawa mesej seperti ini dapat “merekab”, masyarakat akan “terikut-ikut”, dan akhirnya melahirkan “masyarakat yang berfikiran kotor”. Dakwaan ini menunjukkan kebimbangan terhadap kesan sosial wacana, tetapi tidak menunjukkan laluan analitis daripada bentuk bahasa atau imej kepada kesan tersebut. Dalam AWK, hubungan antara teks dengan masyarakat tidak boleh diandaikan secara langsung. Penganalisis perlu menjelaskan cara sesuatu representasi dinaturalisasikan, disebarikan atau dibuat kelihatan munasabah melalui pilihan bahasa dan semiotik.

Bahagian “Kuasa” ialah bahagian yang paling dekat dengan bukti tekstual kerana Teks 4 menyatakan penggunaan huruf besar dalam “TAK CARI LAIN” dan “SERIMAMA”. Namun begitu, huraian tersebut masih berhenti pada fungsi penekanan. Dengan menyatakan bahawa huruf besar “menonjolkan” mesej atau nama produk, strategi itu belum cukup untuk menerangkan operasi kuasa dalam iklan. Yang perlu ditunjukkan ialah cara penonjolan tipografi itu memusatkan dua unsur utama dalam logik iklan: hasil yang dijanjikan dan produk yang dikemukakan sebagai jalan mencapainya. “TAK CARI LAIN” menonjolkan perlakuan suami sebagai hasil yang diinginkan, manakala “SERIMAMA” menonjolkan produk yang perlu digunakan oleh isteri. Dibaca bersama-sama dengan frasa “Lepas isteri guna set pantang”, kedua-duanya memperlihatkan cara tanggungjawab terhadap kesetiaan suami dipindahkan kepada tindakan isteri terhadap tubuh pascabersalin.

Dari sudut Syarat 3, Teks 4 belum sepenuhnya menjelaskan mekanisme diskursif yang menghubungkan bukti formal dengan hubungan kuasa. Dalam teks iklan, kuasa beroperasi melalui gabungan antara jaminan “Gerenti”, hasil “suami TAK CARI LAIN”, tindakan “Lepas isteri guna set pantang SERIMAMA”, dan imej lelaki sebagai pembawa mesej. Gabungan ini membina susunan makna yang menjadikan tubuh isteri sebagai tapak penyelesaian terhadap kebimbangan tentang kesetiaan suami. Oleh sebab hubungan ini belum dihuraikan, penilaian kritis Teks 4 masih belum mencapai pertanggungjawaban analitis yang kukuh.

Syarat 4 hadir secara umum melalui pernyataan bahawa mesej seperti ini “perlu diperbaiki”. Namun begitu, orientasi emansipasi tersebut belum dibangunkan daripada analisis yang mencukupi terhadap mekanisme wacana. Jika masalah yang dikenal pasti ialah pengalihan tanggungjawab kesetiaan terhadap tubuh isteri, cadangan perubahan perlu menyasar pembingkaiannya tersebut. Misalnya, kritik prospektif dapat mengarah kepada pengiklanan produk penjagaan selepas bersalin yang menekankan kesejahteraan, pemulihan dan agensi wanita, bukan ancaman kehilangan perhatian suami. Dalam kerangka adab, keberanian untuk menamakan masalah perlu diiringi oleh disiplin pembuktian: kekritisannya AWK bukan sekadar menyatakan bahawa sesuatu wacana bersifat seksis, negatif atau bermasalah, tetapi menunjukkan cara sifat tersebut terhasil melalui hubungan antara bentuk linguistik, unsur semiotik, tafsiran dan penjelasan sosial.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keterbatasan berlaku apabila hubungan asas kerja kritik terputus: teks tidak lagi menjadi pusat analisis,

tafsiran tidak berkembang menjadi penjelasan analitis, teori tidak dioperasikan untuk membaca data atau penilaian kritis tidak dibuktikan melalui analisis linguistik, serta semiotik yang mencukupi. Dalam kerangka adab, keadaan ini dapat difahami sebagai masalah ketertiban analitis. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995, hlm.18), adab berkait dengan pengenalpastian dan pengakuan terhadap “*proper place*” dalam sesuatu tatanan, iaitu penyusunan sesuatu menurut kedudukan, keutamaan dan hubungannya yang benar. Hal ini selari dengan penegasannya bahawa keadilan mengandaikan ilmu tentang tempat yang benar dan wajar bagi sesuatu, manakala hikmah ialah keupayaan untuk mengetahui cara sesuatu pengetahuan harus ditempatkan pada tempatnya (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978, hlm. 78–79). Apabila kekeliruan dan kesalahan dalam ilmu dihubungkan dengan kehilangan adab dan kehilangan keadilan (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978, hlm.105–106), maka dalam AWK, keterbatasan analitis dapat dibaca sebagai kegagalan penyusunan objek analisis, bukti, tafsiran dan penilaian kritis secara tertib dan bertanggungjawab.

Prinsip ini diperlihatkan melalui pembacaan rujukan terhadap iklan produk penjagaan selepas bersalin apabila pilihan leksikal, struktur klausa, hubungan anankastik tersirat, orientasi bouletik, penonjolan tipografi dan unsur visual dibaca sebagai mekanisme representasi yang menunjukkan cara wacana komersial dapat menjadikan tubuh wanita pascabersalin sebagai medan penyelesaian terhadap kebimbangan tentang kesetiaan lelaki. Oleh itu, analisis tidak berhenti pada pelabelan seksisme atau patriarki, tetapi menjelaskan cara makna dihasilkan melalui konfigurasi linguistik dan semiotik teks. Dengan berdasarkan dapatan tersebut, sumbangan konseptual makalah ini terletak pada perumusan kritik berasaskan adab sebagai asas pertanggungjawaban analitis, bukan sekadar rujukan budaya atau etika kesantunan (Arina Johari et al., 2021; Indirawati Zahid & Nasihah Hashim, 2018). Penyahbaratan yang dicadangkan bukan penggantian AWK, tetapi peluasan medan konseptualnya melalui sumber pemikiran setempat yang berdialog dengan tradisi kritis sedia ada tanpa mengendurkan tuntutan analisis berasaskan bukti. Walau bagaimanapun, dapatan makalah ini perlu dibaca dalam batas kajian. Data yang dianalisis terdiri daripada 11 jawapan pelajar daripada satu tugas AWK pada tahun 2020, dengan empat contoh dibincangkan secara terperinci bagi memperlihatkan bentuk keterbatasan yang menjadi fokus makalah. Dapatan ini tidak bertujuan untuk membuat generalisasi tentang pelajar pascasiswazah, pengajaran AWK atau penganalisis wacana di Malaysia

secara keseluruhan. Tambahan pula, perumusan kritik berasaskan adab tidak diperkenalkan kepada pelajar ketika tugas asal dilakukan, maka, analisis ini perlu difahami sebagai metakritik terhadap jawapan sedia ada, bukan sebagai penilaian terhadap keberkesanan pengajaran kerangka tersebut.

Batas ini membuka ruang kajian lanjut tentang cara kerangka kritik berasaskan adab dapat diperkenalkan secara berkesan, khususnya sebagai kerangka yang menghubungkan gagasan adab dalam pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978, 1995) dengan tuntutan analitis AWK. Kajian lanjut wajar meneliti, sama ada syarat kekritisian ini benar-benar membantu pelajar untuk membina hubungan yang lebih tertib antara teks, bukti linguistik atau semiotik, teori, tafsiran dan penjelasan sosial atau sekadar melahirkan pematuhan terhadap langkah analisis tanpa pertanggungjawaban hujah yang mendalam. Penelitian sedemikian juga dapat menunjukkan, sama ada kerangka ini memperkukuh amalan kritik dalam AWK atau hanya menghasilkan penggunaan istilah kritis yang masih terpisah daripada bukti. Akhirnya, kritik dalam AWK perlu difahami sebagai usaha penjelasan yang berorientasikan pencerahan, pembebasan dan penilaian semula: mencerahkan cara makna dibentuk melalui pilihan bahasa dan representasi, membebaskan pemahaman daripada ideologi yang menaturalisasikan ketidakadilan dan membuka ruang untuk mempersoalkan semula penyimpangan makna. Tanpa kerja penjelasan ini, kritik mudah menjadi label; dengan disiplin bukti dan kejelasan normatif, AWK dapat berfungsi sebagai amalan intelektual yang menyingkap ketidakadilan makna dan membuka ruang terhadap keadilan sosial.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Anis Nadiah Che Abdul Rahman, Dr. Wan Nur Asyura Wan Adnan dan Dr. Muhamad Fadzzllah bin Hj. Zaini atas perbincangan yang diadakan.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap keseluruhan penulisan makalah ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden (Siti Nurnadilla Mohamad Jamil) atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (1997). Pembinaan teori tempatan: Antara teori sosial dengan bidang sastera. *Dewan Sastera*, Jun. 10–18
- Ariff Mohamad. (2016). *Makna siratan dalam novel Politik Melayu Terpilih: Analisis berdasarkan gagasan kritikan melayu* [Tesis kedoktoran]. ProQuest Dissertations & Theses Global. <https://www.proquest.com/dissertations-theses/makna-siratan-dalam-novel-politik-melayu-terpilih/docview/2850555036/se-2>
- Arina Johari, Nor Zainiyah Norita Mokhtar, Al-Fateh Muhammad Saad, Nurul Hanilah Mohd. Ismath, Mohd. Zuber Ismail, & Siti Yuliandi Ahmad. (2021). *Kembalikan kesantunan (Reboot politeness): Modul dan pengisian program kesantunan di IPT*. PBE One Stop Centre.
- Arina Johari, & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat. *GEMA*, 16(2), 73–94. <https://doi.org/10.17576/gema-2016-1602-05>
- Bhaskar, R. A. (1986). *Scientific realism and human emancipation*. Verso.
- Bourdieu, P., & Wacquant, L. J. D. (1992). *An invitation to reflexive sociology*. Polity Press.
- Brown, P. & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge University Press.
- Chilton, P., Tian, H., & Wodak. R. (2010). Reflections on discourse and critique in China and the West. *Journal of Language and Politics*, 9(4), 489–507. <https://doi.org/10.1075/jlp.9.4.02chi>
- Chouliaraki, L. & Fairclough, N. (1999). *Discourse in late modernity: Rethinking critical discourse analysis*. Edinburgh University Press.
- de Melo Resende, V. (2021). Decolonizing critical discourse studies: For a Latin American perspective. *Critical Discourse Studies*, 18(1), 26–42. <https://doi.org/10.1080/17405904.2018.1490654>
- D’Souza, D. (1995). *The end of racism: Principles for a multiracial society*. Free Press.
- Fairclough, N. (1989). *Language and power*. Longman.
- Fairclough, N. (1995). *Media discourse*. Arnold.
- Fairclough, N. (2010). *Critical discourse analysis: The critical study of language* (ed. ke-2). Routledge.
- Fairclough, N. (2016). A dialectical-relational approach to critical discourse analysis in social research. Dlm. R. Wodak & M. Meyer (Pnyt.), *Methods of Critical Discourse Studies* (ed. ke-3). SAGE.

- Fowler, R., Hodge, B., Kress, G., & Trew, T. (1979). *Language and control*. Routledge.
- Goffman, E. (1967). *Interaction ritual: Essays on face-to-face behavior* (ed. pertama). Anchor Books.
- Hart, C. (2020). “28 Palestinians die”: A cognitive grammar analysis of mystification in press coverage of state violence on the Gaza border. Dlm. M. Giovanelli, C. Harrison, & L. Nuttall (Pnyt.), *New directions in cognitive grammar and style* (hlm. 93–116). Bloomsbury.
- Hume, D. (1978). *A treatise on human nature* (ed. ke-2). Oxford University Press.
- Idris Aman. (2010). *Analisis wacana*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman, & Kamila Ghazali. (2016). *Praktis analisis wacana*. University of Malaya Press.
- Indirawati Zahid. (2019). Melayu dan kritikan: Analisis kesantunan *Mentor 7*. *Jurnal Melayu*, 18(2), 131–146. <http://journalarticle.ukm.my/14318/>
- Indirawati Zahid, & Nasihah Hashim. (2018). Strategi dan struktur kesantunan Melayu dalam kritikan *Mentor*: Rancangan realiti televisyen. *GEMA Journal of Language Studies*, 18(2), 134–153. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1802-10>
- Johnstone, B. (2018). *Discourse analysis* (ed. ke-3). John Wiley & Sons.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kress, G. & Hodge, R. (1979). *Language as ideology*. Routledge.
- Maserah Shabudin, & Noraini Ibrahim. (2016). Unsur semiotik dalam wacana iklan kecantikan. *Akademika*, 86(2), 3–30. <https://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-01>
- McNair, B. (2003). *Introduction to political communication*. Routledge.
- Merkl-Davies, D. M., & Koller, V. (2012). ‘Metaphoring’ people out of this world: A critical discourse analysis of a chairman’s statement of a UK defence firm. *Accounting Forum*, 36(3), 178–193. <https://doi.org/10.1016/j.acfor.2012.02.005>
- Noriah Taslim. (1997). Antara lafaz dan makna; Estetika tersirat dalam sastra Melayu tradisional. *Dewan Sastra*, Julai, 63–66.
- Putri Wahyuni, & Badrul Redzuan Abu Hassan. (2015). Iklan produk penjagaan kesihatan di Malaysia dan Indonesia: Sebuah analisis kritis wacana media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 221–240. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2015-3101-12>
- Reisigl, M., & Wodak, R. (2016). The discourse-historical approach (DHA). Dlm. R. Wodak & M. Meyer (Pnyt.), *Methods of critical discourse studies* (ed. ke-3) (hlm. 23–61). SAGE.
- Richardson, J., E. (2007). *Analysing newspapers: An approach from critical discourse analysis*. Palgrave Mc Millan.
- Richardson, J., E. (2017). *British fascism: A discourse-historical analysis*. Ibidem Press.

- Sayer, A. (2009). Who's afraid of critical social science? *Current Sociology*, 57(6), 767–786. <https://doi.org/10.1177/0011392109342205>
- Siti Nurnadilla Mohamad Jamil. (2020). 'Malaysia belongs to the Malays': Categorising 'us' and 'them' in Malay-language newspapers. *Critical Discourse Studies*, 18(6), 671–687. <https://doi.org/10.1080/17405904.2020.1834419>
- Siti Nurnadilla Mohamad Jamil. (2023). Reject Rohingya and send them back! Digital discourses of nationalism and xenophobia in the time of a pandemic. Dlm. M. KhosraviNik & E. Esposito (Pnyt.), *Discourse in the digital age*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003300786>
- Siti Nurnadilla Mohamad Jamil. (2026a). Call them demons without calling them demons: How the New York Times legitimises violence in its coverage of 7 October 2023. *Discourse and Society*. <https://doi.org/10.1177/09579265251388500>
- Siti Nurnadilla Mohamad Jamil. (2026b). 'It's enough to just be pretty and have a hole' (*Cukup la rupa cantik pastu ada lubang*): A case study of cyberviolence against women in Malaysian politics. *Journal of Language Aggression and Conflict*. <https://doi.org/10.1075/jlac.00150.sit>
- Stubbs, M. (1997) Whorf's children: Critical comments on critical discourse analysis. Dlm. A. Ryan, & A. Wray (Pnyt.), *Evolving Models of Language. Multilingual Matters* (hlm. 100–16).
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1978). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- van Dijk, T.A. (1998). *Ideology: A multidisciplinary approach*. SAGE Publications.
- van Dijk, T. A. (2008). *Discourse and context: A sociocognitive approach*. Cambridge University Press.
- van Dijk, T. A. (2013). CDA is NOT a method of critical discourse analysis. In EDISO Debate- Association de Estudios Sobre Discurso y Sociedad. <http://www.edisoportal.org/debate/115-cda-not-method-critical-discourse-analysis>
- Walton, D. (2000). Case study of the use of a circumstantial ad hominem in political argumentation. *Philosophy & Rhetoric*, 33(2), 101–115. <http://www.jstor.org/stable/40238062>
- Waqar Ali Shah. (2023). Globalectics, critical discourse studies (CDS) and Southern feminisms. *Journal of Multicultural Discourses*, 18(3), 220–236. <https://doi.org/10.1080/17447143.2024.2331510>
- Widdowson, H. G. (1995). Discourse analysis: A critical view. *Language and Literature: International Journal of Stylistics*, 4(3), 157–172. <https://doi.org/10.1177/0963947095004003>

Wodak, R, & Meyer, M. (2016). *Methods of critical discourse studies* (ed. ke-3). Sage.

Zaliza Zubir, & Rohizah Halim. (2024). Analisis wacana kritis: Satu pengenalan umum. *Journal of Communication in Scientific Inquiry (JCSI)*, 2(1), 57–64. <https://ejournal.unimap.edu.my/index.php/jcsi/article/view/907>